

25 APR 2004

AGONG BERANGKAT MAJLIS SANTAPAN DIRAJA SULTAN KELANTAN

KOTA BAHARU, 25 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid berkenan berangkat menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena sambutan Jubli Perak pemerintahan Sultan Kelantan di Dewan Jubli Perak Diraja Istana Negeri Kubang Kerian di sini malam ini.

Majlis itu yang dianjurkan oleh Sultan Kelantan dan Raja Perempuan Kelantan adalah antara acara sambutan sempena Hari Keputeraan Sultan Kelantan yang bermula akhir bulan lepas.

Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah dan Ratu Sarikit Thailand, Sultan-sultan kecuali dari Johor dan Terengganu, Yang Dipertua Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak turut hadir pada majlis diraja itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor dan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, beberapa menteri kabinet dan menteri besar bersama kira-kira 1,000 tetamu kenamaan turut hadir pada majlis tersebut.

Majlis itu dimeriahkan dengan persembahan artis tanah air iaitu Anita Sarawak dan Yusni Hamid dengan diiringi Okestra Rejimen Askar Melayu Diraja.

-- BERNAMA
RAR HM BK